

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN
IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN

Tan Sri Dato' Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah sebarang rancangan untuk membina MRT Line 3 merentasi Shah Alam, Setia Alam, Klang dan Port Klang selepas MRT Line 2 yang menghubungkan Sungai Buloh ke Putrajaya diluluskan baru-baru ini.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek MY Rapid Transit (MRT) merupakan projek kerajaan Malaysia untuk menambahbaik sistem pengangkutan awam di kawasan *Greater Kuala Lumpur / Klang Valley*. Pada masa ini, projek MRT Sungai Buloh – Kajang (“SBK Line”) dari Sungai Buloh ke Kajang sedang dalam pembinaan dan dijangka beroperasi pada tahun 2017.
2. Rancangan Induk Pengangkutan Awam *Greater KL / Klang Valley* oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah mengenalpasti dua lagi koridor bagi MRT iaitu MRT Laluan 2 (dari Sungai Buloh ke Putrajaya) dan MRT Laluan 3 atau “*Circle Line*” yang merupakan laluan bentuk bulatan mengelilingi Kuala Lumpur.
3. Bagi kawasan Shah Alam dan Klang pula, ia telah dikenalpasti berada di dalam koridor cadangan LRT 3, iaitu dari Kelana Jaya ke Klang. Ia merupakan satu cabang aliran LRT yang dapat menghubungkan Klang ke Shah Alam melalui perkhidmatan LRT Kelana Jaya yang akan diteliti melalui kajian kebolehlaksanaan (*feasibility study*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Lim Guan Eng
[Bagan]

TARIKH : 10 Jun 2014 (Selasa)

SOALAN : 113

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan punca kelewatan 3 tahun projek KLIA 2 disiapkan, kenaikan kos, KLIA 2 fi RM3, kemelut kelambatan dalam masa pemprosesan Imigresen selama berjam-jam dan kos RM100 juta keretapi KLIA2 sama ada tender terbuka diadakan. Apakah terjadikepada Terminal RM250 juta Penerbangan Kos Rendah Sepang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, punca kelewatan projek KLIA 2 untuk disiapkan pada tarikh awal ialah kerana tambahan skop kerja bagi memenuhi keperluan syarikat-syarikat penerbangan dan pihak-pihak 'regulator'. Peningkatan kos dan tempoh masa ini adalah seiring dengan peningkatan skop tersebut.

Berkenaan isu fi RM3 KLIA2 tersebut, MAHB dan pihak Kerajaan telah meminta penjelasan daripada AirAsia akan sebab-sebab caj tersebut dikenakan kepada penumpang.

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua,

MAHB memaklumkan bahawa syarikat itu tidak pernah mengenakan sebarang caj yang dipanggil 'klia2 fee' kepada mana-mana penumpang dan caj penggunaan klia2 adalah seragam bagi setiap syarikat penerbangan yang beroperasi di terminal baru itu.

Berkenaan sistem keretapi ERL ke KLIA2, ERL adalah infrastruktur khusus dan hanya mampu dikendalikan oleh kontraktor-kontraktor pakar sahaja. Oleh itu tidak ada proses tender terbuka dibuat dan ianya ditawarkan

kepada syarikat ERL sebagai pengendali konsesi yang bertanggungjawab terhadap prestasi ERL secara keseluruhannya. Ini juga adalah sebagai sebahagian daripada konsesi sedia ada kerana ini adalah pemanjangan ataupun ‘extension’ kepada sistem dan landasan ERL yang telah pun sedia ada ke KLIA.

Bangunan Terminal Penerbangan Kos Rendah ataupun “LCCT” akan ditukar kepada kompleks pengendalian kargo.